

# Najib bidas individu salah guna tujuan kutip derma

BH : 7/7/2007

**K**UALA LUMPUR: Datuk Seri Najib Razak membidas se-gelintir pihak yang mengutip derma untuk kepentingan peribadi dengan alasan membantu golongan kurang bernasib baik sehingga menjejaskan usaha mereka yang benar-benar ikhlas untuk beramal jariah.

Timbalan Perdana Menteri berkata, kebelakangan ini wujud beberapa kes penipuan membabitkan kumpulan tertentu yang mengambil kesempatan mengutip derma atau sumbangan daripada sikap dermawan dan murah hati masyarakat.

"Fenomena ini amat malang sekali kerana memberi nama buruk kepada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) atau badan kebajikan yang jujur melakukan kerja amal.

"Kerajaan memandang serius terhadap gejala ini dan mengambil tindakan tegas bagi membantenasnya. Namun, agak sukar bagi kita mengesan semua dalang yang melakukan penipuan seumpama ini," katanya pada Majlis Makan Malam Amal Yayasan SP Setia 2007, di sini, malam tadi.

Hadir sama, isteri Timbalan Perdana Menteri, Datin Seri Rosmah Mansor; Pengerusi Yayasan SP Setia, Tan Sri Lee Lam Thye; Pemegang Amanah Yayasan SP Setia, Tan Sri Zaki Azmi dan Pengarah Urusan Kumpulan SP Setia Berhad, Tan Sri Liew Kee Sin.

Tahun ini, yayasan yang ditubuhkan pada Januari 2000 itu berjaya mengumpulkan RM5.8 juta daripada pelbagai pihak, termasuk jumlah terbesar RM1.5 juta sumbangan SP Setia Berhad.

Menerusi Program Anak Angkat Setia pula, yayasan itu membantu 2,300 pelajar 119 sekolah rendah dan 130 pelajar sekolah menengah di tujuh negeri.

Najib berkata, orang ramai dan sektor korporat diingatkan sentiasa berhati-hati apabila beramal bagi memastikan sumbangan mereka dimanfaatkan sebaik mungkin.